

KERTAS BIL. 38/2020



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR (JPK-SAS)
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG
PINDAAN KEPADA ENAKMEN LEMBAGA
URUS AIR SELANGOR 1999**

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	HALAMAN
1	Pendahuluan	1
2	Latar Belakang	1
3	Pendengaran	2
4	Penemuan Jawatankuasa	3
5	Saranan Jawatankuasa	3
6	Perakuan	5
	Ahli-Ahli Jawatankuasa	6
	Urus setia	6
	Lampiran I (Senarai Saksi)	7
	Lampiran 2 (Dokumen Pembentangan LUAS)	8
	Lampiran 3 (National Standard Drinking Water Quality)	13
	Lampiran 4 (Cadangan Pindaan Kepada LUAS)	14

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR (JPK-SAS) BERHUBUNG PINDAAN KEPADA ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999 BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2020

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 71 (1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (JPK-SAS) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Keempat Belas Tahun 2020 pada 30 Oktober 2020, 2 November 2020 hingga 6 November 2020 dan 9 November 2020 hingga 12 November 2020.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. JPK-SAS telah mengadakan Pendengaran Tertutup pada 11hb Ogos 2020 berkenaan pindaan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 1999. Pendengaran ini diadakan susulan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Tuan Hee Loy Sian, Pengurus Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna pada Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas Tahun 2020 semasa membalas Kertas Mesyuarat Bilangan 12 Tahun 2020 iaitu pembentangan Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Negeri Selangor bagi Dewan Negeri Selangor berhubung pencemaran sumber air sehingga menyebabkan henti tugas tidak berjadual loji-loji rawatan air dan pembekalan air semasa kecemasan. Beliau telah menyatakan bahawa terdapat rancangan untuk meminda Enakmen LUAS untuk meningkatkan denda bagi kesalahan berkaitan pencemaran sumber air daripada RM100,000 kepada RM500,000.
- 2.2 Sesalinan saksi untuk setiap agensi dilampirkan sebagai **Lampiran 1:-**
 - 2.2.1. Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd. (Air Selangor)
 - 2.2.2. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
 - 2.2.3. Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor

2.3. Ahli Jawatankuasa yang terlibat ialah:

- 2.2.1. Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze
(ADN Kawasan Subang Jaya)
- 2.2.2. Y.B. Tuan Leong Tuck Chee
(ADN Kawasan Pandamaran)
- 2.2.3. Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar
(ADN Kawasan Meru)
- 2.2.4. Y.B. Dato' Dr Ahmad Yunus bin Hairi
(ADN Kawasan Sijangkang)
- 2.2.5. Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George
(ADN Kawasan Sentosa)
- 2.2.6. Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi
(ADN Kawasan Kota Anggerik)
- 2.2.7. Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar
(ADN Kawasan Batang Kali)

3. PENDENGARAN

- 3.1. LUAS memaklumkan bahawa setakat hari pendengaran, cadangan pindaan kepada Enakmen LUAS 1999 belum dimuktamadkan. Walaubagaimanapun, LUAS telah kongsikan lapan (8) cadangan yang ada setakat hari pendengaran, yang dilampirkan sebagai **Lampiran 2**.
- 3.2. LUAS memaklum bahawa ia telah menujuh satu Jawatankuasa Semakan Semula Enakmen LUAS 1999 yang dipengerusikan oleh YB Dato Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor dan dianggotai oleh beberapa ahli-ahli Lembaga berdasarkan kepada Butiran 3, Jadual Ketiga, Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 (“**Mesyuarat**”).
- 3.3. Jawatankuasa dimaklumkan bahawa Mesyuarat tersebut akan memuktamadkan cadangan-cadangan pindaan pada 18 Ogos 2020. Selepas itu cadangan-cadangan tersebut akan dibawa kepada Kerajaan Negeri untuk membuat keputusan.
- 3.4. Berkenaan pindaan kepada hukuman berkenaan pencemaran bawah Seksyen 79 Enakmen LUAS 1999 dan seksyen berkaitan pencemaran (Surat Arahan dan sebagainya), Mesyuarat tersebut mencadangkan denda dinaikkan kepada RM500,000.

- 3.5. Jawatankuasa dimaklumkan bahawa Seksyen 79 Enakmen LUAS 1999 tidak pernah digunakan kerana pada tahap bukti, pihak LUAS mendapati bahawa Jabatan Kimia tidak membuat kesimpulan samada hasil analisis sesuatu sampel air pencemaran memenuhi kesalahan ataupun intipati yang diperincikan bawah seksyen tersebut.
- 3.6. Walau bagaimanapun, Penasihat Undang-undang Negeri memaklumkan bahawa pakar dibawah Seksyen 45 Akta Keterangan 1950 boleh dipanggil untuk memberi keterangan berkenaan bahan kimia yang dijumpai dalam sesuatu sampel air untuk tujuan penguatkuasaan Seksyen 79 Enakmen LUAS 1999.
- 3.7. Air Selangor memaklumkan bahawa dalam *National Drinking Water Quality Standard* (**Lampiran 3**) yang diperuntukkan oleh Kementerian Kesihatan Negara (KKM), Klausula 3.1.3 tidak memperuntukkan syarat bau untuk air mentah manakala Klausula 3.2.1. memperuntukkan syarat bau untuk air dirawat. Ketidakseragaman kualiti menimbulkan percanggahan dan masalah pelaksanaan memandangkan terdapat bau pencemaran yang tidak boleh ditapis oleh Loji Rawatan Air.

4. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 4.1. Niat Mesyuarat tersebut untuk meminda Enakmen LUAS 1999 bagi meningkatkan hukuman adalah betul. Namun, kenaikan denda daripada RM100,000 kepada RM500,000 adalah tidak memadai.
- 4.2. Ketidaksepadanan Klausula 3.1.3 dan Klausula 3.2.1 dalam *National Drinking Water Quality Standard* (**Lampiran 3**) perlu diselaraskan semula bagi mengelakkan masalah di peringkat pelaksanaan.
- 4.3. Jawatankuasa mengambil perhatian bahawa bidangkuasa perlesenan yang disenaraikan dalam Peraturan-Peraturan Kemasukan atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012 yang mengehadkan kuasa kepada 7 aktiviti sahaja menyingkatkan dan tidak selari dengan kuasa pelesenan yang dinyatakan dalam Seksyen 59 Enakmen LUAS 1999.

5. SARANAN JAWATANKUASA

- 5.1. Jawatankuasa menyarankan bahawa sebarang pindaan Enakmen LUAS 1999 tidak wajar diluluskan jika pindaan berkenaan hukuman terhadap kesalahan pencemaran tidak sekurang-kurangnya merangkumi pindaan berikut:-

- 5.1.1. Kenaikan denda maksimum sehingga RM1juta;
- 5.1.2. Hukuman penjara mandatori;
- 5.1.3. Denda minima RM200,000 (perkara ini penting untuk dijadikan panduan kepada hakim berkenaan keseriusan kesalahan pencemaran); dan
- 5.1.4. Pencemaran bau dinyatakan sebagai kesalahan nyata.

Jawatankuasa telah menghantar sepucuk surat pada 12 Ogos 2020 kepada LUAS untuk cadangan-cadangan di atas (**Lampiran 4**).

Jawatankuasa mengalu-alukan pindaan Enakmen LUAS 1999 untuk hukuman yang lebih tinggi daripada huraihan 5.1.1. hingga 5.1.4. di atas.

- 5.2 Jawatankuasa juga menyarankan agar undang-undang diperkenalkan supaya pesalah wajib membayar semua kos akibat pencemaran kepada agensi-agensi yang berkenaan.
- 5.3 Jawatankuasa menyarankan supaya bidang kuasa pelesenan LUAS yang dikatakan hanya terhad kepada tujuh (7) jenis aktiviti mengikut Peraturan-Peraturan Kemasukan atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012 dikaji semula dengan segera dan diperluaskan agar selari dengan kuasa yang tertera dalam Seksyen 59 Enakmen LUAS 1999.
- 5.4 Jawatankuasa juga menyarankan agar kerajaan negeri menguatkuasakan Kanun Tanah Negara 1965 seperti membaik pulih tanah, merampus tanah, dan sebagainya terhadap pesalah-pesalah yang menyalahgunakan tanah untuk aktiviti yang menyebabkan pencemaran.
- 5.5 Pihak LUAS perlu lebih strategik, menyeluruh, kreatif dan perlu meluaskan usaha dalam pengumpulan bukti semasa membina suatu tuduhan kes bawah Seksyen 79 Enakmen LUAS 1999.
- 5.6 Jawatankuasa menyarankan agar Kerajaan Negeri berunding dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memindai *National Drinking Water Quality Standard* supaya Klaus 3.1.3 berkenaan air mentah dipinda untuk memperuntukkan parameter bau bagi air mentah di bahagian hulu Loji Rawatan Air. Hal ini selari dengan pindaan enakmen yang diminta untuk memastikan pencemaran bau sebagai suatu kesalahan.

6. PERAKUAN

Penyata ini disediakan oleh Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Pengerusi) Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (JPK-SAS). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JPK-SAS dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 8 pada 14 September 2020.

Disahkan oleh:

.....
Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Air Selangor
(JPK-SAS)

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (JPK-SAS):

1)	Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (ADN Kawasan Subang Jaya)	Pengerusi
2)	Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (ADN Kawasan Pandamaran)	Ahli
3)	Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (ADN Kawasan Meru)	Ahli
4)	Y.B. Dato' Dr Ahmad Yunus bin Hairi (ADN Kawasan Sijangkang)	Ahli
5)	Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (ADN Kawasan Sentosa)	Ahli
6)	Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (ADN Kawasan Kota Anggerik)	Ahli
7)	Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar (ADN Kawasan Batang Kali)	Ahli

URUS SETIA

- i) Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian (Dewan)
- ii) Encik Muhamjirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iii) Puan Nurul Liana Binti Musa
Penolong Pegawai Tadbir
- iv) Cik Siti Khadijah Binti Maarof
Pegawai Penyelidik
- v) Encik Nik Muhammad Syaamil Bin Nik Ismail
Pegawai Penyelidik
- vi) Cik Cheah Sheue Chyi
Pegawai Penyelidik

LAMPIRAN 1

Senarai saksi untuk setiap agensi yang terlibat adalah seperti berikut:-

1. Air Selangor

- i) Encik Zairi bin Zainudin, Ketua Jabatan Kualiti Air
- ii) Encik Bsar bin Ishak, Ketua Jabatan Pengeluaran
- iii) Puan Humairah Yeoh Yee Hoon, Ketua Sekesyen Perkhidmatan Makmal

2. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

- i) Tuan Haizam Irwan bin Toha, Ketua Penolong Pengarah Undang-undang
- ii) Puan Norfazilah binti Shahrudin, Pegawai Undang-undang

3. Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor

- i) Y.B. Dato Salim bin Soib @ Hamid, Penasihat Undang-undang Negeri
- ii) Puan Siti Rokiah binti Musa, Pegawai Undang-undang

LAMPIRAN 2

DOKUMEN PEMBENTANGAN LUAS:



LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)
Tingkat 13, Bangunan Darul Ehsan
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14
40000 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN



Tel : 03-5511 1800 Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
Faks : 03-5510 1800
Portal Rasmi : www.luas.gov.my
E-mel : admin@luas.gov.my

selangorku

" KEJUJURAN DAN KETEKUNAN "

Ruj. Tuan : LUAS.100-6/2/39 ()
Ruj. Kami : Julai 2020
Tarikh : **30**

SETIAUSAHA BAHAGIAN DEWAN
Pejabat Dewan Negeri,
Tingkat 1, Bangunan Annex,
Dewan Negeri Selangor,
40680 SHAH ALAM

Tuan,

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR NEGERI SELANGOR (JPK-SAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2020

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat tuan (22) dlm.DUN.SEL.3041178 Jld 6 bertarikh 9 Julai 2020 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa isu pencemaran bau merupakan isu yang berkaitan dengan ketiadaan peralatan yang efektif bagi mengesan punca pencemaran tersebut. Oleh yang demikian, ianya tidak dimasukkan di dalam pindaan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 dan kajian semula Peraturan Kemasukan dan Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012 kerana pencemaran bau adalah sesuatu yang subjektif.

3. Di samping itu, Lembaga juga berhadapan dengan kesukaran dalam aspek pemantauan dan penilaian kuantiti bagi had piawaian yang merupakan antara komponen utama dalam pertimbangan perundungan. Oleh yang demikian, satu kajian terperinci diperlukan bagi menentukan had parameter bau.

4. Berhubung dengan perkara yang berkaitan dengan pindaan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999, Lembaga telah menubuhkan satu Jawatankuasa Semakan Semula Enakmen LUAS 1999 (selepas ini disebut "Jawatankuasa tersebut") yang dipengerusikan oleh Y.B Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor dan dianggotai oleh beberapa ahli-ahli Lembaga berdasarkan kepada Butiran 3, Jadual Ketiga, Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999.

" AIR UNTUK SEMUA "



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 02662



CERTIFIED TO MS 1902:2014
CERT. NO. : QMS-100125

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR NEGERI SELANGOR (JPK-SAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2020


5. Jawatankuasa tersebut adalah merupakan platform yang digunakan untuk membincangkan perkara-perkara yang akan perlu diambil kira untuk dijadikan dasar kepada pindaan Enakmen LUAS 1999. Pada mesyuarat terakhir pada 9 Mac 2020, Jawatankuasa tersebut telah bersetuju untuk mengangkat lapan (8) perkara dasar ke Mesyuarat Lembaga LUAS untuk dimuktamadkan. Jadual perkara dasar tersebut adalah seperti di Lampiran 1.
6. Untuk makluman tuan, pada masa ini Lembaga masih belum menyiapkan draf Rang Undang-Undang (Pindaan) Enakmen LUAS 1999 kerana perkara-perkara dasar masih belum dimuktamadkan oleh ahli-ahli Lembaga LUAS. Perkara dasar tersebut akan dimuktamadkan dalam Mesyuarat Lembaga yang akan diadakan pada pertengahan Ogos 2020.

Perkara ini dikemukakan untuk makluman tuan.

Sekian, terima kasih.

**“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“SUMBER AIR TERPELIHARA, ALAM SEKITAR SEJAHTERA”**

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' IF HASHIM BIN OSMAN)
Pengarah,
Lembaga Urus Air Selangor

JADUAL PERKARA DASAR PINDAAN ENAKMEN LUAS 1999

BIL	DASAR PINDAAN	KEPUTUSAN MESYUARAT
Kuasa Lembaga terhadap pengawalan sumber air		
1.	Mengenakan caj bagi setiap lebihan sumber air yang digunakan oleh sektor-sektor (Pertanian, Perindustrian dll) setelah Lembaga menentukan kuantiti sumber air yang diperlukan oleh sektor berkenaan;	Mesyuarat bersetuju kerana s.44 Enakmen tidak mengambil kira berkenaan caj pembaziran air. Walau bagaimanapun perlu lebih penjelasan akan maksud "membazir" ayau "pembaziran".
Memantapkan tadbir urus pengurusan sumber air yang lestari		
2.	Mengkaji semula hukuman-hukuman bagi kesalahan di dalam Enakmen supaya menjadi deterrent factor sesuai dengan perkembangan semasa;	<p>Mesyuarat bersetuju seperti mana titah Tuanku Sultan untuk menaikkan atau meninggikan hukuman denda bagi kesalahan pencemaran untuk memberi kesedaran kepada pelaku salah.</p> <p>Mesyuarat juga mencadangkan denda RM500,000 untuk s.79 dan seksyen berkaitan pencemaran iaitu Surat Arahan dan sebagainya.</p>
Memantapkan kuasa Lembaga dalam menguatkuasakan undang-undang		
3.	Cadangkan mewujudkan jawatan Timbalan Pengarah dan anggota silih ganti. Walaubagaimanapun, hanya cadangan anggota silih ganti	Mesyuarat bersetuju secara dasar berkenaan perkara ini dan memutudkan untuk dibawa ke Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

BIL	DASAR PINDAAN	KEPUTUSAN MESUARAT
	tidak dipersetujui;	
4.	Cadangan perunding supaya menggubal peruntukan bagi menetapkan proses dan prosedur pelucuthakkan (forfeiture) barang-barang yang disita atau ditahan di bawah seksyen 99;	Mesyuarat bersetuju kerana prosedur ini merupakan prosedur penting yang perlu ada dalam suatu sudang-undang.
5.	Menggubal peruntukan bagi memberi ganjaran kepada pemberi	Mesyuarat bersetuju kerana kebanyakan undang-undang lain terdapat peruntukan ini dan sebagai contoh di dalam Rang Undang-Undang Sumber Air Negara (RUUSA).
6.	Cadangan Perunding supaya menggubal peruntukan mengenai anggapan sesuatu kesalahan telah dilakukan oleh pemegang lesen, permit atau lain kelulusan tanpa perlu pihak Pendakwa membuktikannya di luar keraguan munasabah;	Mesyuarat bersetuju dengan cadangan peruntukan baru s.103A ini.
7.	Menambah baik proses dan prosedur mengenai Perintah Berhenti Kerja dan Pembaikan kepada sumber air yang tercemar dengan merujuk kepada AKAS;	Mesyuarat bersetuju cadangan pindaan ini dengan merujuk Akta Kawalan Alam Sekeliling 1974 dan melihat semula s.41(3) Enakmen dan sekyen lain yang berkaitan.
8.	Perlindungan daripada tanggungan peribadi Kecuali sebagaimana diperuntukkan sebaliknya dalam	Mesyuarat bersetuju dengan cadangan ini bagi memperkemaskan dan meluaskan peruntukan seksyen ini.

BIL	DASAR PINDAAN	KEPUTUSAN MESYUARAT
	<p>Enakmen ini, Lembaga, anggota Lembaga, anggota jawatankuasa, Pengarah, tiada pegawai dan pengkhidmat Lembaga tidak boleh didedahkan kepada apa-apa tindakan, tuntutan atau dakwaan oleh mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa yang telah dilakukan atau tidak dilakukan dengan suci hati lanjutan daripada atau dalam pelaksanaan yang diniatkan, mana-mana kuasa yang diberikan oleh Enakmen ini dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya.</p>	

3. QUALITY REQUIREMENTS

3.1 Raw Water Quality Criteria

- 3.1.1 Table 1, Column I lists the recommended criteria for microbiological, physical, chemical and radioactive constituents of raw water which will be suitable as a potable source after undergoing conventional treatment.
- 3.1.2 If a raw water source has a quality that conforms to the recommended standards set in the drinking water quality standards as listed in Table 2, Column I, then it can be supplied with minimal treatment, which in most cases involves disinfection only.
- 3.1.3 If a raw water source has quality that does not conform to the recommended raw water quality criteria, then appropriate action shall be taken to identify and overcome the problem to allow for continued operation of conventional treatment. Special treatment should only be considered as a last resort.

3.2 Drinking Water Quality Standards

- 3.2.1 Drinking water must be clear, and does not have objectionable taste, colour and odour. It must be pleasant to drink and free from all harmful organisms, chemical substances and radionuclides in amounts, which could constitute a hazard to the health of the consumer.
- 3.2.2 The quality of drinking water is measured in terms of its microbiological, physical, chemical and radioactivity characteristics. Table 2 lists some of these characteristics and constituents with their recommended standards, which shall not be exceeded for maximum protection of the consumer.
- 3.2.3 If the characteristics or constituents in water after repeated sampling exceed the recommended standards listed in Table 2, then it shall be investigated by the personnel of the Department of Health and the water purveyor immediately to ascertain the cause and to remove the source of contamination. If these measures fail repeatedly the public shall be notified and possibly an alternative source of supply should be sought.

Sumber: [NATIONAL STANDARD DRINKING WATER QUALITY](#)

LAMPIRAN 4



PEJABAT DEWAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

TINGKAT 1, BANGUNAN ANNEX, DEWAN NEGERI SELANGOR,
40680 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
TELEFON: 03-5544 7615, 5544 7616, 5544 7617, 5544 7618, 5544 7422
FAKS: 03-5510 4055, 5544 7436



Ruj. Kami : (35) dlm. DUN.SEL.3041178 Jld.6
Tarikh : 12 Ogos 2020

Pengarah,
Lembaga Urus Air Selangor (LUAS),
Tingkat 12 & 13, Bangunan Darul Ehsan,
No.3, Jalan Indah, Seksyen 14,
40000 SHAH ALAM
(Faks: 03-55101800)

Tuan,

CADANGAN PINDAAN ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS) OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR NEGERI SELANGOR (JPK-SAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2020

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Negeri Selangor (JPK-SAS) yang bersidang pada 11 Ogos 2020, Jawatankuasa telah bersetuju untuk mengemukakan cadangan pindaan terhadap Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 1999 seperti di Lampiran A.
3. Bersama ini juga turut dilampirkan Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Negeri Selangor (JPK-SAS), kertas Bil 13 Tahun 2020 berkaitan Pencemaran Sumber Air Sehingga Menyebabkan Henti Tugas Tidak Berjadual Loji-Loji Rawatan Air Dan Pembekalan Semasa Kecemasan sebagai rujukan pihak tuan dalam membuat pindaan enakmen ini.
3. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada urus setia Jawatankuasa di talian 03 5521 2356 (Cik Nurul Liana binti Musa) atau 03-5521 2230 (Cik Izan binti Mohamad Taib). Kerjasama daripada pihak Tuan amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.
4. Kerjasama dan perhatian pihak Tuan berhubung perkara ini amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

.. /2

- 2 -

Sekian.

'SELANGOR MAJU BERSAMA'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

(GAYATHRI PRASENA A/P JAYA KUMAR, A.M.S.)

Setiausaha Bahagian Dewan

Merangkap Setiausaha Jawatankuasa Pilihan

Khas Pengurusan Sumber Air Negeri Selangor (JPK-SAS)

Dewan Negeri Selangor

s.k.:

- Y.B. Tuan Speaker
Dewan Negeri Selangor
- Y.B. Michelle Ng Mei Sze
Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan
Sumber Air Negeri Selangor (JPK-SAS)

CADANGAN PINDAAN ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)
1999

Oleh: Jawatankuasa Pilihan Khas Sumber Air Selangor

Larangan pencemaran sesuatu sumber air

79(1) Kecuali sebagaimana yang telah dibenarkan secara nyata di dalam mana-mana undang-undang bertulis tiada seorang pun, kecuali di bawah dan menurut terma-terma dan syarat-syarat lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen ini, menyebabkan kemasukan atau melepaskan ke dalam mana-mana sumber air –

- (a) apa-apa bahan beracun, bahan memudaralikan atau bahan pencemar atau bahan buangan yang akan menyebabkan atau berkemungkinan menyebabkan atau menyumbang kepada terjadinya suatu sumber air atau bahagiannya berubah fizikal atau warna atau bau atau rasa sehingga merbahayakan, memburukkan atau menjelaskan kesihatan, keselamatan atau kebijikan orang awam atau kehidupan atau kesihatan haiwan atau tumbuh-tumbuhan atau padanya atau terhadap penggunaan berfaedah lain sumber air itu;
 - (b) apa-apa bahan yang disebabkan haba, kandungan biologi atau kimianya atau kesannya menukar warna air membuat atau menyumbangkan terhadap membuatkan sumber air itu sukar dipulihkan atau menjelaskan aliran, kualiti atau kuantiti air di dalam sumber air itu;
 - (c) minyak dalam apa apa bentuk, minyak yang telah digunakan bahan buangan atau bahan buangan yang mengandungi minyak atau sebaliknya;
- (2) Apabila apa-apa kemasukan atau pelepasan itu telah dibuat, tuan punya atau penghuni harta tanah atau pemilik kenderaan dari mana kemasukan atau pelepasan itu berpunca atau pemandu kenderaan berkenaan hendaklah, kecuali dibuktikan sebaliknya, dianggap telah melepaskan atau menyebabkan kemasukannya ke dalam sumber air itu.
- (3) Lesen untuk memasukkan atau membuang ke dalam mana-mana sumber air mana-mana bahan yang disebutkan di dalam subseksyen (1) boleh diberikan oleh Lembaga menurut Seksyen 59.

Lampiran A

(4) Seorang yang melanggar seksyen ini, adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh hendaklah didenda tidak kurang daripada dua ratus ribu ringgit dan tidak melebihi seratus-ribu sejuta ringgit atau dan dipenjarakan tidak melebihi tempoh tiga tahun atau-kedua-duanya dan denda selanjutnya lima sepuluh ribu setiap hari kesalahan diteruskan setelah pemberitahuan oleh Lembaga menghendaki pematuhan diserahkan dan membayar kos untuk membersihkan pencemaran yang dilakukan kepada kerajaan negeri.

Kuasa untuk mengkompaunkan kesalahan

112 (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui suatu perintah yang disiarkan di dalam Warta, menentukan sebarang kesalahan yang melanggar peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan atau undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya sebagai satu kesalahan yang boleh dikenakan kompaun oleh Lembaga dan cara serta tatacara untuk mengkompaunkan kesalahan itu.

(2) Pengarah atau seorang pegawai diberikuasa olehnya boleh, mengikut budibicaranya mengkompaunkan kesalahan yang telah ditetapkan di bawah subseksyen (1) dengan menerima dari orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan apa-apa kesalahan suatu jumlah tidak melebihi satu per empat dua daripada jumlah denda yang ditetapkan untuk kesalahan itu atau sekiranya tiada jumlah yang ditetapkan, satu jumlah yang tidak melebihi kos untuk membetulkan, memperbaiki atau membersihkan perbuatan kesalahan itu tiga-ribu-ringgit.

(3) Sekiranya suatu kesalahan dikompaunkan di bawah seksyen ini, tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu terhadap orang yang telah disyaki melakukan kesalahan itu.